

PROGRAM PERHIMPUNAN PAGI YAB MENTERI BESAR PAHANG BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG

Kuantan, 17 Disember – Program Perhimpunan Pagi YAB. Menteri Besar Pahang Bersama Penjawat Awam Negeri Pahang telah diadakan di Dewan SUK Pahang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Program ini diadakan sebagai medium di antara YAB. Menteri Besar dan barisan kepimpinan negeri bagi menyampaikan informasi baharu dalam pelaksanaan pentadbiran di Negeri Pahang kepada anggota penjawat awam.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 10 agensi kerajaan berhimpun bagi mendengar ucapan YAB. Menteri Besar yang menyentuh perkara berkaitan sasaran Pihak Berkuasa Negeri dalam meningkatkan pendapatan menerusi tunggakan kutipan hasil tanah dan PBT, peningkatan projek Perumahan Makmur bagi kesejahteraan rakyat berpendapatan rendah dan peranan anggota jabatan kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian awam di samping pengurusan aduan menerusi platform aduan.wan rosdy.com. Selain itu, YAB. Menteri Besar turut memaklumkan pembayaran wang ihsan kepada penjawat awam gred 54 dan ke bawah sebanyak RM500.00 pada 18 Disember 2018 sebagai menghargai jasa dan komitmen penjawat awam di Negeri Pahang.

Sesi perhimpunan ini turut disiarkan menerusi facebook Kerajaan Negeri Pahang dan facebook Wan Rosdy bin Wan Ismail bagi memastikan mesej dan hasrat yang ingin disampaikan oleh YAB. Menteri Besar dapat disampaikan secara lebih meluas dan telus kepada penjawat awam di peringkat daerah dan juga kepada setiap rakyat di Negeri Pahang.

